

21 Disember, 2023

Paip dasar Sungai Perai bocor lagi, penduduk pilih 'check-in' hotel, balik kampung



BAYAN LEPAS: Gangguan bekalan air membabitkan 120,000 penduduk Daerah Barat Daya yang dijadual selesai tengah hari ini, dijangka berlarutan lebih lama berikutan kerja pembaikan paip pecah di dasar Sungai Perai, berdepan masalah sejak pagi tadi.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir K Pathmanathan, berkata operasi kimpalan bawah air sudah pun selesai, namun pihaknya mengesakan berlaku lagi masalah kebocoran apabila operasi mengepam masuk air dimulakan jam 11.40 pagi ini.

"Kebocoran dikesan dengan air memancut di permukaan sungai. Walaupun berlaku kebocoran dan kehilangan air, PBAPP akan terus mengepam air terawat melalui saluran paip 1,350 milimeter itu ke kawasan Barat Daya.

"Pengguna Barat Daya harus terus menerima bekalan air walaupun pada tekanan air rendah sehingga jam 8 malam ini dan kami memohon pengguna air terbabit mengisi semula tangki dan bekas air mereka dalam tempoh itu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pathmanathan berkata, bantuan kecemasan membabitkan lebih 10 tangki air akan dikerahkan ke kawasan hujung rangkaian paip agihan dan kawasan lebih tinggi petang ini.

Beliau berkata, operasi kimpalan bawah air dijadual bermula 8.30 malam ini selepas saluran paip ditutup dengan plat dan pengapit tidak boleh dipasang jika air sedang dipam melalui saluran paip yang bocor.

Menurutnya, PBAPP menyasarkan menormalisasi bekalan air kepada pengguna terjejas sebelum jam 8 pagi esok.

Penduduk Flat Sri Bayan Mas di Jalan Permatang Damar Laut di sini, Aidah mundar, 48, berkata gangguan pada asalnya dijangka berlaku 24 jam namun kini berlarutan lebih 40 jam dengan semua air disimpan sudah habis sejak pagi tadi.

"Mula-mula mereka kata gangguan air hanya jam 10 malam hari Selasa hingga 10 malam hari Rabu. Selepas itu kata antara jam 1 hingga 3 pagi akan pulih sebelum kata masalah itu akan selesai jam 1.30 tengah hari. Terbaharu, dapat tahu pula paip yang pecah itu bocor semula.

"Flat memang ada tangki dan kami ada tadah air simpan, tetapi airnya juga sudah habis kerana keluarga kami ramai ditambah musim cuti sekolah semua anak-anak berada di rumah," katanya.

Penduduk yang hanya ingin dikenali Maz, 43, pula berkata dia terpaksa menginap di hotel di kawasan Bayan Baru selepas berdepan kesukaran mendapatkan bekalan air yang perlu diangkut agak jauh dari rumahnya di Sungai Ara di sini.

"Saya tiada pilihan kerana anak-anak masih kecil, suami bekerja jauh dan ibu pula warga emas.

"Kami tidak mandi sejak pagi tadi. Saya dapat tahu ada juga kawan-kawan sanggup hantar keluarga pulang ke kampung berdekatan seperti di Sungai Petani, Kedah," kata peniaga dalam talian itu.